

Pembuktian Elemen Keterangan bagi Jenayah Sihir *Proving the Evidentiary Elements of Witchcraft Crimes*

Nurbazla Ismail[✉], Nurul Asikin Raspin

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pembuktian bagi kesalahan jenayah memerlukan beberapa elemen untuk menguatkan pendakwaan. Namun, pembuktian bagi kes melibatkan jenayah sihir agak sukar kerana sifat keterangannya yang berbentuk metafizik dan paranormal. Kesukaran pembuktian ini juga dilihat semakin menjadi-jadi akibat ketiadaan peruntukan undang-undang yang membolehkan dakwaan ke atas pelaku sihir. Selain itu, keterangan pakar berkaitan ilmu sihir juga tidak diiktiraf oleh perundangan sebagai suatu bentuk keterangan. Oleh itu, sekiranya terdapat dakwaan jenayah menerusi sihir dikemukakan di mahkamah, proses penghakiman tidak mampu membuat siasatan lanjut mengenainya kerana prinsip penghakiman mahkamah sendiri hanyalah bersandarkan kepada keterangan-keterangan yang zahir dan nyata semata-mata. Maka, timbul persoalan apakah elemen keterangan yang boleh digunakan bagi membuktikan jenayah sihir? Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan pembuktian elemen keterangan bagi jenayah sihir. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data menggunakan kaedah analisa kandungan dan temu bual separa struktur. Seterusnya, hasil kajian ini dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa elemen keterangan dalam pembuktian jenayah sihir adalah *iqrār* atau pengakuan tertuduh, *shahādah* atau kesaksian, *ra'yu al-khabīr* atau pendapat pakar, *qarīnah*, *bayyinah* dan *agent provocateurs*. Kajian ini memberi implikasi kepada badan kehakiman dalam memutuskan kes berkaitan jenayah sihir. Selain itu, kajian ini memberi implikasi kepada badan perundangan untuk mendapatkan bukti dan keterangan yang tepat bagi menyelesaikan kes berkaitan jenayah sihir.

KATA KUNCI

Elemen sihir, bukti berbentuk metafizik, bukti berbentuk paranormal, undang-undang keterangan, agent provocateurs

ABSTRACT

*Proving criminal offenses requires specific elements to substantiate the prosecution. However, establishing proof in cases involving witchcraft crimes is particularly challenging due to the metaphysical and paranormal nature of the evidence. This difficulty is further compounded by the absence of legal provisions enabling accusations against practitioners of witchcraft. Moreover, expert testimony related to witchcraft is not recognized as admissible evidence under the law. Consequently, when criminal charges involving witchcraft are brought to court, the judicial process is unable to conduct further investigations, as judicial principles rely solely on tangible and apparent evidence. This raises the question: what evidentiary elements can be employed to prove witchcraft crimes? The objective of this study is to elucidate the evidentiary elements required to prove witchcraft crimes. The study employs a qualitative approach, collecting data through content analysis and semi-structured interviews. The findings are analyzed descriptively. The study reveals that the evidentiary elements for proving witchcraft crimes include *iqrār* (the confession of the accused), *shahādah* (witness testimony), *ra'yu al-khabīr* (expert opinion), *qarīnah* (circumstantial evidence), *bayyinah* (clear evidence), and the use of *agent provocateurs*. This study has implications for judicial bodies in adjudicating cases related to witchcraft crimes. Additionally, it provides insights for legislative bodies to establish accurate methods of evidence collection and presentation in resolving witchcraft-related cases.*

Article History

Received: August 8 2024

Revised: November 27, 2024

Accepted: December 5, 2024

Published: December 25, 2024

✉ Contact

Nurbazla Ismail (Corresponding Author)

nurbazla@ukm.edu.my

Citation

Nurbazla Ismail & Nurul Asikin Raspin. 2024. Pembuktian Elemen Keterangan bagi Jenayah Sihir. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 9(2): 21-29.

Copyright

© 2024 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

KEYWORDS

Witchcraft Elements, Metaphysical Evidence, Paranormal Evidence, Law of Evidence, Agent Provocateurs

PENGENALAN

Pensabitan hukuman dengan adil adalah merupakan peranan utama insitisi kehakiman. Pendakwaan dan tuntutan yang dibuat perlu dihakimi dengan baik iaitu dengan memberikan hak kepada yang berhak dan memberikan hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan. Justeru itu, boleh dikatakan bahawa keadilan sebenar tidak akan wujud sekiranya tiada undang-undang yang adil, hakim yang berintegriti, keterangan yang tepat dan pembuktian yang relevan dan kukuh. Maka, seseorang hakim perlu membuat penilaian ke atas sesuatu situasi bergantung kepada keterangan dan pembuktian.

Oleh itu, dalam usaha untuk membuktikan wujudnya jenayah sihir, maka elemen utama pembuktian jenayah iaitu *actus reus* dan *mens rea* dilihat perlu digunakan dalam pembuktian jenayah sihir dan tidak wajar diketepikan. Maka, kaedah pengenalpastian ke atas kewujudan unsur *mens rea* dan *actus reus* dalam jenayah sihir adalah penting khususnya untuk membuktikan berlakunya jenayah sihir. Walau bagaimanapun, kaedah pengenalpastian bentuk-bentuk perlakuan atau perbuatan yang boleh dikategorikan atau dikenal pasti sebagai perbuatan sihir amat rumit dan sukar. Keadaan ini disebabkan sifat perbuatan itu sendiri yang luar biasa, penuh dengan tipu daya dan sukar difahami oleh manusia. Oleh itu, untuk membuktikan wujudnya *actus reus* bagi jenayah sihir bukan suatu yang mudah kepada pihak pendakwaan dan jua hakim.

Selain mengenal pasti justifikasi persamaan konsep pembuktian elemen jenayah dalam jenayah sihir dan jenayah lain, kajian ini bertujuan untuk menganalisa pendekatan elemen keterangan untuk pembuktian jenayah sihir. Secara menyeluruh, didapati bahawa banyak elemen keterangan bagi jenayah biasa yang boleh digunapakai dalam pembuktian jenayah sihir. Antara elemen keterangan tersebut adalah *iqrār* atau pengakuan tertuduh, *shahādah* atau kesaksian, *ra'yu al-khabīr* atau pendapat pakar, *qarīnah* atau keterangan keadaan, *bayyinah* atau keterangan dan *agent provocateurs*.

ELEMEN JENAYAH DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR

Sebelum sesuatu pensabitan dibuat ke atas tertuduh dalam kesalahan jenayah biasa, dua elemen utama

jenayah perlu dibuktikan termasuklah *actus reus* dan *mens rea*. Sekiranya salah satu elemen gagal dibuktikan, maka tertuduh tidak boleh disabitkan sepenuhnya ke atas kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya. Maka dalam membuktikan bahawa seseorang individu mempunyai liabiliti jenayah, maka *actus reus* dan *mens rea* perlu dibuktikan bersama-sama. Bersesuaian dengan prinsip umum undang-undang jenayah, "*Actus reus non facit reum nisi mens sit rea*".

Ringkasnya, prinsip ini menjelaskan bahawa seseorang individu khususnya tertuduh tidak akan disabitkan dengan jenayah melainkan pihak pendakwa berjaya membuktikan tanpa keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*), wujud kedua-dua unsur iaitu tindakan salah (*actus reus*) dan niat (*mens rea*) (Anis Murshidin t.th). Sekiranya salah satu daripadanya tidak dapat dibuktikan, maka tertuduh atau individu sama ada akan digugurkan daripada menerima liabiliti jenayah ataupun berlaku pengurangan hukuman ke atasnya. Maksudnya, perbuatan jenayah (*actus reus*) yang dilakukan tanpa kehadiran niat jahat (*mala fide/mens rea*) akan menjejaskan liabiliti jenayah individu tersebut.

1. Pembuktian Elemen *Actus Reus* dalam Jenayah menerusi Sihir

Actus reus adalah suatu komponen fizikal atau tindakan salah yang nyata mengundang kemudatan sehingga mampu membentuk tanggungan jenayah ke atas individu itu sendiri. Menurut Mahyuddin Ismail (2011), *actus reus* boleh diertikan sebagai suatu perlakuan, tinggalkan ataupun keadaan yang dinyatakan dalam definisi jenayah yang dituduh berserta keadaan sekitar pelaksanaan jenayah tersebut. Ringkasnya, *actus reus* adalah tindakan atau tinggalkan yang terjadi semasa suatu-satu kes jenayah berlaku dan ia adalah selain daripada elemen niat jahat (*mala fide*).

Dalam kesalahan jenayah biasa, elemen *actus reus* boleh dikatakan lebih mudah dikenal pasti kerana ianya jelas dan dapat dilihat oleh pancaindera (Siti Zaharah et al 2010). Berbeza dengan kesalahan jenayah sihir yang berkemungkinan besar, tindakan tersebut tidak kelihatan dan sukar dikesan (Sabree Nasri 2015). Maka dalam memastikan kewujudan *actus reus* dalam ritual dan perlakuan sihir, konsep perbuatan dan kesan yang terhasil daripada perlakuan sihir perlu dibezakan. Hal ini demikian kerana *actus reus* sewajarnya bukan hanya berfokus kepada perbuatan sihir semata-mata, malah juga mencakupi keperluan ke atas bukti perlakuan sihir tersebut yang boleh membawa akibat dan kesan buruk yang relevan

dengan ritual yang dilakukan si pelaku sihir (Mahyuddin Ismail 2011).

Perkara ini sejajar dengan pendapat daripada Amran Kasimin (2002) bahawa lazimnya undang-undang jenayah adalah cenderung bertumpu untuk mengenal pasti akibat dan kesan tindakan berbanding dengan tindakan itu sendiri. Tamsilnya, dalam jenayah membunuh, sekiranya A mengelar leher B berkali-kali sehingga menyebabkan leher B terputus, maka jelas ia dikira jenayah kerana kelaran tersebut diketahui memang akan menyebabkan kematian. Tidak sama sekiranya A hanya bertindak mengelar lengan B, maka jenayah ini hanya terhad kepada kesalahan menyebabkan kecederaan. Di sini, walaupun kedua-dua situasi melakukan perbuatan yang sama iaitu 'mengelar' tetapi kesan daripada perbuatan tersebut adalah berbeza. Ringkasnya, penetapan suatu hukuman ke atas tindakan adalah bergantung kepada kesan dari tindakan. Maka pengertian *actus reus* (kesan dari tindakan) sebeginilah yang cuba diaplikasikan keatas jenayah menerusi sihir.

Oleh itu, adalah tidak menjadi suatu masalah sekiranya konsep *actus reus* pada jenayah biasa ini cuba diaplikasikan dalam jenayah sihir. Sekiranya konsep ini perlu disesuaikan dalam jenayah menerusi sihir, maka *actus reus* yang perlu dikenal pasti akan dapat dilihat dari sudut kesan yang terhasil dari ritual sihir mahupun perbuatan itu sendiri (Atika Rosli 2016). Dalam mengenal pasti perkara ini, maka pakar mengenai ilmu ini memainkan peranan yang besar untuk menjustifikasi tujuan pelaku sihir dalam ritual sihirnya menerusi bahan-bahan ataupun syarat-syarat keberhasilan sihirnya (Mahyuddin Ismail 2011). Hal ini demikian kerana perkara-perkara sebegini akan dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada siri perbuatan yang membentuk *actus reus* bagi jenayah sihir.

Sebagai contoh, pelaksanaan ritual dengan bahan-bahan tertentu yang dibakar, disimpul, diikat, dicucuk, ditikam, dikelar, digantung, dilaga-lagikan dan sebagainya sebenarnya adalah simbolik akan kesan atau keberhasilannya ke atas mangsa yang dituju (Amran Kasimin 1997). Ini kerana tindakan yang disertai dengan bahan-bahan khusus tersebut menjadikan jin atau makhluk halus memahami akan apa yang diperintahkan ke atasnya oleh pelaku sihir (Mahyuddin Ismail 2011). Sebagai contoh, penggunaan bahan seperti paku karat atau pisau keatas bahagian khusus dalam gambar mangsa mewakili keinginan pelaku sihir untuk menyakiti mangsa pada bahagian tersebut. Sekiranya pelaku sihir mahu mangsanya menderita pada bahagian kepala, maka tikaman pisau atau paku karat tadi akan diletakkan pada bahagian kepala yang kemudiannya disertai dengan jampi-jampi tertentu. Dari itu, khadam sihir atau makhluk halus akan dipuja dan diperintah untuk melaksanakan keinginan si pelaku sihir tadi (Amran Kasimin 2009).

Ringkasnya, tindakan ritual pelaku sihir seperti bacaan jampi yang dibacakan adalah suatu isyarat kepada khadam sihir akan kemahuan tuannya. Sebaik

mendapati isyarat atau kemahuan tuannya secara menyeluruh, maka khadam sihir akan mula bertindak melakukan tindakan sepertimana yang telah diisyaratkan kepadanya (Na'imah Suleiman 2014). Logiknya, penggunaan bahan-bahan khusus pada sesuatu ritual sihir adalah bagi tujuan memudahkan khadam mengecam mangsa dengan lebih tepat lebih-lagi sekiranya bahan yang digunakan adalah barangan milik mangsa dan berasal dari tubuh mangsa itu sendiri (Ibrahim Muhammad t.th.). Namun begitu, dalam sesetengah keadaan, telah memadai bagi pelaku sihir melengkapkan ritualnya dengan gambar, nama mangsa dan nama ibu mangsa.

Bagi menjelaskan lagi perkara ini, Mahyuddin Ismail (2011) ada mengenalpasti beberapa kaedah atau ritual yang diamalkan oleh ahli sihir dari Eropah, Australia, Afrika dan Asia bagi mendatangkan kesan bunuh dan mencedera mangsa. Hasilnya, didapati bahawa kaedah yang digunakan adalah lebih kurang sama walaupun ia dari benua yang berbeza. Sepertimana Eropah, alatan sihir bagi tujuan pembunuhan yang lazim digunakan adalah pisau dan pakaian mangsa yang dijadikan patung yang disertai mantera. Manakala di Australia, pelaku sihir akan menghalakan tulang ke arah musuh sebelum membaca mantera yang dapat menyebabkan kematian mendadak kepada mangsa.

Di Afrika pula, upacara sihir voodoo (sihir untuk membunuh) akan melibatkan penyeruan roh-roh moyang dari perkuburan dan upacara Radas dan Petri. Dalam upacara tersebut, biri-biri putih, dua ekor merpati putih dan dua ekor ayam putih akan dikorbankan. Semasa upacara mereka akan menggunakan *Black Mus Spell* yang akan dibalut bersama dengan sehelai kertas bertulis nama mangsa sebanyak 13 kali yang kemudiannya akan dibakar. Dari benua Asia pula, sekiranya dilihat dari Malaysia sendiri, antara kaedah sihir untuk membunuh adalah pelaku sihir akan menggunakan patung dari jerami atau lilin yang mengandungi kuku, rambut atau manamana bahagian dari anggota tubuh mangsa untuk dilayur atau disalai atas api selama 7 malam berturut yang disertai dengan mantera (William Shaw 1975). Menurut Mahyuddin Ismail (2011), kebiasaannya pada malam ketujuh, patung yang dilayur tadi akan dicampak sepenuhnya ke dalam api dengan kepercayaan bahawa langkah tersebut akan menyebabkan mangsa kehilangan semangat untuk sembuh mahupun hidup seperti biasa.

Sekiranya diteliti perbincangan berkaitan kaedah-kaedah ritual sihir bagi sesuatu tujuan ke atas kesan sihir, maka dilihat banyak persamaan dalam pelaksanaannya. Perkara ini jelas boleh diambil sebagai suatu medium penentu bagi memudahkan pihak-pihak mencapai kata putus dalam penentuan tindakan sihir pelaku sihir. Hal ini demikian kerana persamaan yang dapat dilihat adalah dari sudut aspek tujuan, bahan-bahan, kaedah serta yang paling penting adalah kesan ritual tersebut keatas mangsa. Pengesanan keatas perkara ini mustahak bagi memastikan pihak-pihak mampu membuat penilaian

dan penyiasatan bagi sesuatu kejadian jenayah menerusi sihir dengan lebih terperinci.

Sehubungan dengan perbandingan yang dibuat ke atas metodologi serta kesan suatu-satu ritual sihir akan dapat mendatangkan suatu sifir mudah bagi mengenal pasti *actus reus* yang mendatangkan mudarat dalam jenayah sihir (Mahyuddin Ismail 2011). Antaranya termasuklah:

- a) Pelaksanaan upacara khusus dengan kesediaan peralatan yang ditetapkan bagi tujuan pemujaan makhluk halus atau khadam sihir (Atika Rosli 2016).
- b) Wujud tindakan khusus yang dilakukan keatas barang-barang mangsa disamping bahan-bahan tertentu seperti tindakan membakar gambar, mencucuk patung dan sebagainya (Amran Kasimin 2009). Perkara ini tidak lain bagi memberikan arahan kepada makhluk halus untuk tindakan yang perlu dibuatnya ke atas mangsa (Wahid 'Abdussalam 2001).

Sebaik sempurna ritual-ritual yang dinyatakan, maka kesan dan impaknya akan ditanggung oleh mangsa. Kebiasaannya, mangsa sihir akan menghadapi kesakitan teruk sedangkan tidak terkesan apa-apa kesan pada tubuhnya. Gambarannya adalah, mata mangsa akan dipancari dengan rasa ketakutan disaat cuba mencabut lembing ghaib yang tidak terlihat pancaindera. Mangsa akan menggeletar, berpeluh dan akhirnya tersungkur ke tanah bahkan pasrah menunggu detik kematiannya (Mahyuddin Ismail 2011). Namun, menurut Hassan Mahmud (2012) kesan sihir adakalanya secara terus dan mendadak dan ada pula yang berlaku secara berperingkat dan berfasa.

Meskipun begitu, perlu diketahui juga bahawa terdapat tindakan sihir yang tidak mengena ke atas sasaran yang sepatutnya. Hal ini dikatakan bahawa kekuatan jiwa dan rohani yang dimiliki oleh mangsa tujuan mampu menjadikan sihir tersebut disasarkan dengan bantuan Tuhan yang maha kuasa (Khader Ahmad et al. 2014). Terdapat juga keadaan iaitu sasaran khadam sihir menyalahi mangsa yang ingin dikenakan disebabkan oleh kesilapan ahli sihir sehinggakan individu lain yang terpaksa menanggung akibat dan kesan sihir tersebut (Mahyuddin Ismail 2011).

2. Pembuktian Elemen *Mens Rea* dalam Jenayah Sihir

Sebelum liabiliti jenayah dipertanggungkan ke atas seseorang tertuduh, maka pembuktian ke atas wujud elemen niat jahat atau *mensrea* perlu diberikan keutamaan. Hal ini demikian, adapun *Actus Reus* menjadi suatu jenayah apabila ianya disertai dengan *mensrea* yang sesuai dengannya (Anis Murshidin t.th.). Mahyuddin Ismail dalam bukunya *Ahli Sihir ke Tali Gantung* menggambarkan *mensrea* sebagai suatu elemen dalaman atau mental yang perlu dibuktikan sebelum disabit tiap-tiap tindakan sebagai suatu jenayah. Secara dasarnya difahami bahawa elemen

mental atau *mensrea* boleh dikatakan merujuk kepada niat dalam melaksanakan suatu tindakan atau bagi menghasilkan suatu kesan.

Bertitik tolak dari itu, boleh dikatakan bahawa *mensrea* atau niat jahat (*mala fide*) jelas tidak dapat dibuktikan secara nyata dan agak mustahil untuk mendapatkan keterangan secara nyata bagi membuktikan wujud niat atau *mensrea* individu tertuduh (Mahyuddin Ismail 2011). Meskipun begitu, kebiasaannya perkara ini dapat ditentukan menerusi keterangan tidak nyata iaitu dengan penelitian ke atas fakta kes, situasi individu dan persekitaran pada masa suatu-satu kejadian berlaku.

Dalam kes *Tham Kai Yau & Ors* lawan *Pendakwa Raya* [1977] 1 MLJ 174, Hakim Raja Azlan Shah ada menyimpulkan bahawa *mens rea* atau keadaan mental seseorang individu dapat ditentukan menerusi perbuatan atau tindakan individu itu sendiri. Dalam pada itu, telah menjadi suatu amanah dan tanggungjawab bagi hakim untuk membuat penentuan mahupun tafsiran ke atas niat individu tertuduh dengan meneliti keseluruhan fakta kes yang dibentangkan di hadapannya ketika bicara di Mahkamah.

Dari aspek pelaksanaan jenayah secara biasa, penentuan niat penjenayah kebiasaannya dinilai dari sudut bentuk perbuatan, sasaran tindakan juga tahap keseriusan tindakan tersebut keatas mangsa (Anis Murshidin t.th.). Menurut Mahyuddin Ismail (2011), perkara-perkara sebeginilah yang mendasari pembuktian wujudnya niat atau *mensrea* individu atau penjenayah. Sebagai contoh, cara tikaman atau bahagian yang menjadi sasaran tikaman dapat memberi gambaran niat pelaku sama ada ingin memamatkan mangsa sasaran ataupun hanya untuk mencederakan sahaja. Sekiranya tikaman dilaksanakan berkali-kali di bahagian dada, maka secara jelas ia menggambarkan bahawa pelaku cuba untuk membunuh mangsa. Maka begitulah juga aplikasi yang dilihat wajar diterapkan dalam membuktikan wujud niat jahat atau *men srea* pelaku dalam jenayah sihir.

Kaedah pelaksanaan ritual sihir dan bahan-bahan yang digunakan oleh pelaku sihir perlu diambil kira untuk pembuktian *mens rea* dalam tindakan sihirnya (Mahyuddin Ismail 2022). Gambarannya, sekiranya ritual sihir tersebut didapati menempatkan jarum ditikam pada bahagian jantung atau otak patung buatan, dapat disimpulkan bahawa pelaku sihir mempunyai niat untuk membunuh mangsa. Berbeza sekiranya tikaman jarum diletakkan pada bahagian tangan atau kaki patung buatan kerana tujuannya dilihat lebih bertumpu untuk mencedera, menyakiti atau melumpuhkan mangsa dan bukan untuk memamatkan secara langsung (Mahyuddin Ismail 2011).

Dalam situasi ritual sihir yang lain, bahan-bahan seperti sampah, bangkai binatang seperti gantungan semut, labah-labah, dan lipas berpusing-pusing ditiup angin kebiasaannya digunakan bagi tujuan membuat mangsa sihir merasa tidak tentu arah, bingung dan

tidak mampu mengawal tindakannya (Wahid 'Abdussalam Bali 2011). Begitu juga bahan-bahan seperti bisa ular, air rebusan lipan bara, miang buluh, kaca, berus besi dan selainnya yang boleh menjadi gambaran bahawa pelaku sihir mempunyai mensrea atau niat untuk menghantar santau kepada mangsa dengan tujuan melemahkan anggota mangsa, sakit berpanjangan sehingga membawa kepada maut (Ansaruddin Agus et al. 2011). Begitupun, Mahyuddin Ismail (2011) menegaskan bahawa hal sebegini hanya dapat dikenal pasti oleh individu-individu yang pakar dalam ilmu ini sahaja.

Lazimnya, seseorang individu yang meritualkan sihir ke atas individu lain adalah tidak lain mempunyai tujuan yang tidak baik yakni berpunca dari perasaan dendam, cemburu dan iri hati ke atas mangsa (Wahid Abdussalam Bali 2011). Maka, tidaklah ternafikan bahawa wujud mensrea atau niat jahat pelaku sihir semasa melakukan tindakan sihirnya. Meskipun begitu, bagi tujuan pembuktian mensrea dalam jenayah sihir di Mahkamah, maka mensrea ahli sihir perlu memenuhi dua syarat (Mahyuddin Ismail 2011). Antaranya termasuklah:

- a) Tindakan atau ritual sihir yang dilakukan adalah atas kehendak sendiri atau secara sukarela dan bukannya dipaksa atau tanpa sengaja. Pelaksanaan ritual sihir oleh pelaku sihir dengan bayaran dari pihak yang ingin mendapatkan khidmat sihir adalah terkategori dalam sukarela.
- b) Pelaku ritual atau pengamal sihir dengan jelas mengetahui bahawa perbuatan menyihir atau ritualnya akan mendatangkan suatu bentuk kemudharatan keatas individu.

ELEMEN KETERANGAN DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat enam bentuk keterangan bagi mekanisme pembuktian jenayah sihir yang dikemukakan. Dari itu, kajian akan menjelaskan dengan terperinci setiap satu darinya, bermula daripada *iqrār*, *shahādah*, saksi pakar, *qarīnah*, *bayyinah* dan *agent provocateurs*.

1. *Iqrār* atau Pengakuan Tertuduh

Dalam kaedah pembuktian menerusi iqrar, pengakuan tertuduh adalah suatu kaedah asas pembuktian yang tidak boleh dipertikaikan implikasinya (Sabree 2015). Bahkan para ulama juga berpandangan bahawa *iqrār* adalah suatu metod pembuktian yang kuat dan mencapai tahap "yakin". Sepertimana dalam Seksyen 17(2) Akta Keterangan 1950 ada menyatakan bahawa Pengakuan tertuduh atau pengakuan salah ialah pengakuan yang dibuat pada bila-bila masa oleh individu yang dituduh atas kesalahan, menyatakan ataupun menyarankan kesimpulan yang menyatakan dia melakukan kesalahan itu. Bahkan, Sofiah Abu Bakar (2013) menjelaskan bahawa iqrar merupakan hujah yang paling kukuh dalam konteks pembuktian hak khususnya dalam kes-kes yang melibatkan

kesalahan jenayah yang kebiasaannya tidak diketahui kejadian sebenarnya melainkan individu terlibat itu sendiri melakukan pengakuan. Sedari itu, setiap pengakuan akan mengikat individu yang membuat pengakuan.

Metode pembuktian menerusi iqrar atau pengakuan tertuduh ini adalah diterima ketika mana si pelaku sihir bertindak mengakui bahawa dia pernah melakukan sihir Mahyuddin (2023). Dalam pembuktian kes sihir, pengakuan salah dari pelaku sama ada pengamal atau yang mendapat khidmat boleh mewujudkan liabiliti dari sudut undang-undang keatas pengakuan salahnya tanpa mengambil kira keterangan-keterangan lain (Sofiah Abu Bakar 2013). Tambahan pula, keterangan berbentuk *iqrār* ini juga merupakan antara keterangan yang sememangnya diterima pakai dalam perbicaraan di mahkamah kerana ia adalah salah satu bentuk keterangan lisan yang dilaksanakan secara langsung oleh tertuduh (Mahyuddin Ismail 2012). Walau bagaimanapun, pengakuan tertuduh hendaklah tidak disertai dengan unsur paksaan, tanpa rela, ugutan atau perjanjian (Jal Zabdi 2008).

2. *Shahādah* atau Kesaksian

Dalam konteks pembuktian, *shahādah* atau kesaksian adalah merupakan salah satu hujah atau bukti yang mustahak untuk mendapatkan kejadian sebenar sesuatu situasi meskipun dari segi kesannya adalah tertakluk kepada pendirian mahkamah untuk menghakiminya (Sofiah Abu Bakar 2013). Sebagaimana menurut Sabree (2015), majoriti para ulama bersetuju menerima *shahādah* atau kesaksian sebagai salah satu wasilah pembuktian yang kuat untuk mencapai tahap 'yakin'. Meskipun begitu, didapati bahawa kaedah ini adalah antara kaedah yang sukar untuk dikemukakan kerana hanya individu yang memenuhi syarat sahaja dibenarkan melakukan kesaksian. Sekiranya syarat saksi tidak terpenuhi, maka kesaksian yang dilakukannya adalah tidak diterima pakai melainkan sekadar keterangan sokongan sahaja. Antara syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang individu hendak melakukan kesaksian adalah seperti berikut:

- a) Islam
- b) Akil
- c) Baligh
- d) Adil
- e) Ingatan yang baik
- f) Tidak berprasangka

Mahyuddin (2023) memberikan gambaran bentuk *shahādah* yang perlu dikemukakan sebagai wasilah pembuktian jenayah sihir. Sekiranya terdapat seorang atau beberapa orang individu datang menemankan rakannya yang hendak membuat sihir kepada orang lain, maka individu atau beberapa orang yang lain tersebut jelas dan secara langsung menyaksikan perbuatan sihir. Perbuatan tersebut termasuk perlakuan bomoh mengasapkan kemenyan,

mengambil darah, mengambil rambut, penggunaan anak patung dan sebagainya. Individu atau beberapa orang yang lain tersebut wajar untuk membuat suatu kesaksian sekiranya hendak mendakwa si pelaku sihir tadi. Bukan itu sahaja, dalam konteks menjadikan *shahādah* sebagai suatu wasilah pembuktian jenayah sihir, syahadah si pelaku sihir atau ahli sihir juga boleh diterima. Hal ini demikian kerana dalam kitab-kitab terdahulu pernah disebut tentang penyaksian ahli sihir yang telah bertaubat. Dalam keterangannya, dikemukakan bahawa dia pernah menyebabkan seseorang individu lain mati atau cedera menerusi ritual sihir khusus yang dilakukannya sebelum ini. Maka, kesaksiannya boleh diterima pakai dalam mahkamah.

Ringkasnya, keterangan saksi dalam konteks jenayah sihir adalah termasuk ahli keluarga mahupun masyarakat yang menyaksikan sendiri kegiatan ritual sihir yang diamalkan ataupun menyaksikan gangguan sihir ke atas mangsa. Sepertimana menurut seksyen 59 Akta Keterangan 1950 dan Seksyen 46 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 yang memperuntukkan bahawa keterangan saksi hendaklah dikemuka secara lisan dan keterangan yang dikemukakannya haruslah dilihat atau didengari sendiri dan bukan dari pihak ketiga. Kemudian, saksi-saksi yang bersaksi ini boleh membuatakuan bersumpah keatas keterangan penyaksiannya sepertimana menurut seksyen 60 (1) (a) Akta Keterangan 1950 dan Seksyen 47 (1) (2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

3. *Ra'yu al-Khabīr* atau Pendapat Pakar

Bagi mengenalpasti kewujudan sihir dalam sesuatu dakwaan di mahkamah, keterangan pakar harus dikemukakan bagi membantu mahkamah dalam membuat pertimbangan bagi bidang yang asing. Menurut Mahyuddin Ismail (t.th.), pendapat pakar sememangnya merupakan salah satu kaedah pembuktian dari aspek keterangan dalam perspektif perundangan negara. Meskipun dari perspektif peraturan umum undang-undang meletakkan bahawa saksi hanya dibenarkan memberitahu fakta yang dilihat dan bukan menyatakan pendapat atau membuat kesimpulan ke atas fakta, namun Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 telah membuat pengecualian bagi peraturan umum ini. Perkara ini boleh dilihat menerusi Seksyen 45 (1) yang memperuntukkan bahawa pendapat mengenai “sains atau seni” oleh individu yang mahir dan pakar dalam sains atau seni adalah relevan untuk membuat keterangan di Mahkamah. Justeru individu yang membuat keterangan atau pendapat atas kepakarannya dalam sains atau seni inilah yang digelar pakar (Na'imah Suleiman 2014).

Walaupun asasnyasaksi pakar ini tidak berada pada tempat kejadian, namun menerusi penelitian dan kajian yang dibuat terhadap ritual, bacaan-bacaan, cara bahan sihir dibuat mampu menjadikannya sebagai suatu bentuk keterangan yang boleh diterima pakai di mahkamah. Ini kerana, bagi menilai sama ada

simptom-simptom yang didakwa terhasil akibat sihir adalah benar-benar merupakan simptom lazim sihir, maka pendapat pakar yang arif tentang selok belok ilmu dan amalan sihir adalah suatu yang mustahak (Mahyuddin Ismail 2012). Walau bagaimanapun, keterangan pakar bagi kepakaran berkaitan sihir agak sukar diperoleh kerana tiada mekanisme yang dapat menjustifikasikan individu-individu sebagai pakar (Sabree Nasri 2015). Kesukaran ini adalah berikutan pakar-pakar yang terlibat dalam pembuktian jenayah sihir, bukan sahaja pakar forensik semata-mata malah juga melibatkan pengamal perubatan yang diiktiraf dan pakar-pakar teknikal lain. Meskipun begitu, tidak boleh dinafikan bahawa keterangan pakar inilah yang berperanan besar dalam menjadi penguat hujah pendakwaan mahupun sebagai panduan hakim dalam penyelesaian kes (Muna Hamzan et al. 2021). Terdapat empat kategori keterangan pakar yang boleh terlibat dalam kes jenayah sihir. Antaranya termasuklah:

a) *Keterangan pakar dari perubatan moden*

Dalam aspek keterangan pakar dari perubatan moden, sekiranya didapati pesakit atau mangsa yang didiagnos tidak mempunyai sebarang masalah atau penyakit tertentu sedangkan dia mengadu merasa kepanasan seakan dibakar, mulut terasa terkunci, selalu muntah darah dan mengeluarkan paku, nanah dan sebagainya. Maka, pakar dari perubatan moden perlu memainkan peranan untuk mengesahkan bahawa simptom-simptom yang dihadapi pesakit adalah diluar bidang kuasa mereka dan pesakit perlu dirujuk kepada pakar lain untuk pemeriksaan selanjutnya dan bukannya dibiarkan tanpa pemeriksaanan lanjutan (Mahyuddin Ismail 2012).

b) *Keterangan pakar psikiatrik*

Bagi keterangan dari pakar psikiatrik pula, Mahyuddin Ismail (2023) mengatakan bahawa tujuan utama pakar psikiatrik adalah untuk mengesahkan bahawa mangsa atau pesakit tidak mengalami penyakit gila atau mental. Sebagai contoh, mangsa atau pesakit mengadu bahawa dia seringkali melihat benda-benda pelik seperti lembaga-lembaga hitam, namanya seakan dipanggil-panggil, terasa ditikam dan sebagainya namun pada masa yang sama pakar psikiatrik tidak mengesahkannya menghidap penyakit mental seperti skizofrenia dan sebagainya. Maka disinilah pakar psikiatrik perlu mengesahkan kewarasan pesakit bagi mengenal pasti sama ada pesakit tersebut mempunyai masalah mental atau ia memerlukan kepada kepakaran lain untuk menguruskan masalah tersebut.

c) *Keterangan pakar perawat Islam*

Kategori keterangan pakar seterusnya adalah perawat Islam. Perawat Islam perlu mengambil peranannya bagi mengesahkan simptom yang dialami oleh mangsa adalah salah satu simptom sihir. Dalam situasi dakwaan wujud unsur sihir, maka perawat Islam perlu bertindak membuat pemeriksaan menyeluruh dan bukan membuta tuli menerima wujud sihir

berdasarkan pandangan dan anggapan seseorang individu semata. Perawat Islam pada peranannya perlu membuat suatu cara diagnos yang konklusif dan lengkap yang merangkumi laporan lebih kurang 5 hingga 6 helai yang mengandungi keputusan-keputusan diagnos seperti keadaan fizikal asal mangsa atau pesakit sebelum mengalami gangguan dan sebagainya, keadaan mentalnya, keadaan tidur atau mimpi yang dihadapinya atau keluarganya dan lain-lain. Dari pemerhatian terperinci sebegini, sudah tentu pihak perawat Islam mampu menjelaskan bahawa wujud tanda atau simptom bahawa individu tersebut terkena gangguan syaitan dan jin ataupun sebaliknya.

d) Keterangan pakar forensik

Keterangan pakar yang juga penting dalam membuktikan jenayah sihir adalah keterangan daripada pakar forensik seperti golongan pakar di Jabatan Kimia. Dalam situasi penyiasat atau pegawai pemeriksa menjumpai barangan-barangan seperti botol tertanam di penjuru rumah yang disyaki adalah barang sihir, maka pihak forensik akan mengambil peranan untuk mengenalpasti cap jari yang terdapat pada botol tersebut. Begitu juga sekiranya didapati mungkin benang, darah, pakaian, rambut dan sebagainya yang tersyaki mempunyai kaitan dengan ritual sihir. Antara aspek yang memerlukan kepakaran forensik adalah terbahagi kepada dua iaitu:

- a) *Natural (biological) Sources* seperti rambut, cebisan pakaian, darah, air mani, air kencing, liur, DNA, cap jari dan lain-lain.
- b) *Non biological Sources* seperti kayu, jarum kaca, kesan tapak kaki, minyak, kesan penggunaan alatan dan sebagainya.

Sebaik pakar forensik di Jabatan Kimia ini mengesahkan perkara-perkara yang berkenaan, maka individu yang tersyaki terlibat pula akan disoal siasat untuk menentukan sama ada dia merupakan tukang sihir ataupun individu yang menggunakan khidmat tukang sihir. Ringkasnya, kewujudan keterangan daripada pakar forensik adalah secara tidak langsung mampu membantu penyiasat untuk mengenalpasti bahan yang digunakan untuk menyihir, tuan punya bahan, jenis darah yang digunakan bagi suatu-suatu ritual yang berbeza dan banyak lagi (Mahyuddin Ismail 2012).

4. *Qarīnah* atau Keterangan Keadaan

Konsep *Qarīnah* adalah tidak asing digunakan sebagai salah satu wasilah pembuktian. Menurut Sofiah Abu Bakar (2013), dalam jenayah sihir, boleh dikatakan pemakaian *qarīnah* adalah menjadi asas utama pembuktian yang dilihat mampu dijadikan metode pembuktian dalam jenayah sihir. *Qarīnah* mengandungi dua unsur iaitu pertama, wujudnya perkara asas dan kedua, wujud kaitan yang menghubungkan antara perkara asas yang zahir dengan perkara yang tersembunyi (Zaini Nasohah 2006). Maka asasnya, *qarīnah* membawa maksud

fakta berkaitan tidak kira fakta tersebut adalah menerusi lisan atau percakapan, perbuatan atau perlakuan, niat atau motif, perilaku atau perangai, keadaan persekitaran, pandangan mahupun pendapat-pendapat tertentu (Sabree Nasri 2015). Sebagai contoh:

- a) Jika timbul persoalan sama ada A menyihir B, maka fakta A mempunyai hubungan yang buruk atau bermusuhan dengan B adalah *Qarīnah*
- b) Andai kata B disihir oleh C (Pengamal sihir) atas kehendak dan permintaan A. Maka, fakta A bermusuhan dengan B, A bertemu dengan C di samping C memiliki barangan milik B, adalah suatu bentuk *Qarīnah*

Menurut Mahyuddin Ismail (t.th.), *Qarīnah* merupakan suatu kaedah pembuktian yang relevan dan terkehadapan khususnya dalam pembuktian kes atau fakta kerana ia merupakan keterangan yang relevan ke atas suatu fakta persoalan. Hal ini demikian kerana *qarīnah* mempunyai skop yang luas dan untuk memperoleh bukti-bukti keterangan menerusinya adalah lebih mudah berbanding dengan wasilah-wasilah pembuktian yang lain seperti *iqrār* dan *shahādah* (Zulfakar Ramlee 2007). Malahan, konsep *qarīnah* itu sendiri adalah tidak terhad kepada suatu perkara bukti sahaja, malah boleh diperoleh dari dokumen, benda atau saksi yang boleh membuktikan fakta tersebut.

Qarīnah dalam jenayah sihir adalah menjurus kepada tanda-tanda yang ada ketika kejadian ritual atau tindakan sihir dilakukan (Mahyuddin 2023). Sebagai contoh, ketika serbuan ke atas rumah bomoh yang dilaporkan melakukan sihir, kemudian dijumpai bahan atau benda yang kebiasaannya memang digunakan untuk suatu ritual, maka ia boleh menjadi suatu bukti *qarīnah* untuk mendakwa si tertuduh iaitu bomoh tadi. Contohnya, penemuan patung yang diikat bersama-sama gambar seseorang yang mana gambar tersebut juga ditikam dengan beberapa jarum. Justeru itu, kesemua bentuk *qarīnah* ini jelas akan dapat membantu dalam membuktikan kes di mahkamah. Dalam konteks perundangan jenayah semasa, perlu juga diketahui bahawa *qarīnah* adalah merujuk kepada bukti suasana dan keadaan yang biasanya digelar sebagai *cicumstantial evidence* (Na'imah Suleiman 2014).

Beberapa siri kejadian yang akhirnya membawa kepada gangguan sihir juga boleh dijadikan sebagai *qarīnah* melalui pengaplikasian prinsip *res gestae* (Sofiah Abu Bakar 2013). Sebagai contoh, pada suatu hari pelaku membuat ugutan ke atas mangsa akibat cemburu. Pada keesokan hari pula, pelaku tersebut membuat isyarat yang difahami untuk mengenakan sihir ke atas mangsa. Beberapa hari selepas kejadian tersebut, mangsa mula mengalami gangguan luar biasa dalam kehidupan sehariannya. Berdasarkan prinsip *res gestae*, perasaan cemburu, ugutan dan isyarat yang difahami sebagai sihir ke atas mangsa tadi

boleh dijadikan sebagai *qarīnah* kepada jenayah sihir (Mahyuddin Ismail 2011).

5. *Bayyinah* atau Keterangan

Antara salah satu kaedah penting dalam pembuktian jenayah sihir juga adalah keterangan-keterangan yang dibuat oleh saksi yang tidak layak memberikan kesaksian atas dasar ia tidak memenuhi syarat kesaksian atau *shahādah* (Mahyuddin 2023). Keterangan-keterangan sebegini adalah digelar sebagai *bayyinah*. Maksudnya, sekiranya individu melakukan kesaksian ke atas sesuatu situasi dalam keadaan ia tidak memenuhi syarat sebagai seorang saksi, maka individu tersebut bukanlah individu atau saksi yang memberikan *shahādah* atau kesaksian melainkan kenyataannya hanya diterima sebagai *bayyinah*. Kebiasaannya, mereka ini terdiri daripada individu-individu bukan Islam, individu fasiq, kanak-kanak atau dewasa yang lemah ingatan mahupun seorang yang adil tetapi mempunyai kepentingan dalam kes tersebut (Sabree Nasri 2015).

Malahan, pembuktian menerusi *bayyinah* atau keterangan ini juga merangkumi keterangan-keterangan daripada dokumen-dokumen berkaitan sekiranya ada. Keterangan menerusi dokumen ini turut dikenali sebagai kaedah *kitābah* atau keterangan dokumentar. *Kitābah* atau dokumentar adalah menjurus kepada semua bentuk catatan yang bertujuan mendokumentasi hak-hak dan kepentingan serta segala sesuatu yang berkaitan untuk dirujuk semasa proses pembuktian berlangsung (Sofiah Abu Bakar 2013). Kaedah pembuktian sebegini adalah merujuk kepada keterangan dalam bentuk dokumen yang ketara seperti catatan, rakaman elektronik atau digital, fotograf, laporan pakar perubatan dan sebagainya (Mahyuddin Ismail 2012). Disini, keterangan dokumen akan mengambil peranan sebagai bukti dan menjadi kekuatan keatas penerimaan bahan-bahan bukti yang lain.

6. *Agent Provocateurs*

Antara cara atau kaedah unik yang juga cuba diketengahkan dalam draf undang-undang bagi membuktikan jenayah sihir adalah penggunaan khidmat agen pemerangkap atau peranan *Agent Provocateurs* (Mahyuddin 2023). Cadangan ini adalah sama dengan cadangan dari Tuan Sakaria Samella selaku mantan Pendakwa Syariah Negeri Sabah yang juga merupakan individu yang mendokong kuat penggabalan undang-undang jenayah sihir. Mereka telah mengetengahkan kaedah *Agent Provocateurs* sebagai pembuktian jenayah sihir dalam draf undang-undang tersebut. Cadangan ini adalah hasil daripada pengadaptasian keperluan *Agent Provocateurs* sendiri dalam menangani kes pengedaran dadah yang bukanlah suatu perkara yang mudah. Justeru itu, sama ada mahu ataupun tidak, bagi mengesan kegiatan pengedar-pengedar ini, maka akan ada individu yang dilantik dan diupah untuk

mengambil peranan sebagai individu yang ingin membeli dadah. Individu yang membuat penyamaran inilah yang digelar sebagai *Agent Provocateurs*. Istimewanya, walaupun agen ini membeli dadah yang diedar, ia tidak dikira bersalah kerana ia dianggap melaksanakan tanggungjawab dan amanahnya untuk mengenalpasti individu-individu pengedar dadah.

Oleh hal yang demikian, Mahyuddin Ismail (t.th.) tegas menyatakan bahawa tidak menjadi suatu yang mustahil sekiranya undang-undang jenayah sihir juga mengadaptasi kaedah pembuktian yang sama sepertimana pemakaian *Agent Provocateur* pada seksyen 40A Akta Dadah Berbahaya 1952. Hal ini demikian kerana individu terlatih boleh bertindak menyamar sebagai pelanggan kepada si tukang sihir serta merekodkan kegiatan-kegiatannya pada masa tersebut. Dari itulah, kenyataan dan keterangan *Agent Prosecutor* akan menjadi salah satu kesaksian yang kuat.

KESIMPULAN

Tindakan jenayah menerusi penggunaan dan pengamalan ritual sihir adalah merupakan suatu barah dalam masyarakat yang sehingga kini tiada penawarnya. Bahkan, jenayah sihir ini juga dilihat telah jauh menapak dalam kehidupan masyarakat sehinggakan terdapat golongan yang menganggap jenayah sihir sebagai perkara biasa. Begitupun, terdapat juga kalangan masyarakat yang menganggap perkara sihir ini adalah suatu yang direka-reka dan karut. Oleh itu, dalam usaha untuk membuktikan wujudnya jenayah sihir, maka elemen utama pembuktian jenayah biasa iaitu *actus reus* dan *mens rea* dilihat perlu digunakan dalam pembuktian jenayah sihir dan tidak wajar diketepikan. Maka, kaedah pengenalanpastian ke atas kewujudan unsur *mens rea* dan *actus reus* dalam jenayah sihir adalah penting khususnya untuk membuktikan berlakunya jenayah sihir. Dengan itu, kajian ini diharap mampu memberi penjelasan dan gambaran kepada masyarakat tentang elemen keterangan bagi membuktikan jenayah sihir. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat membantu pengamal undang-undang untuk mengumpulkan bukti yang tepat untuk pendakwaan kes jenayah sihir.

RUJUKAN

- Amran Kasimin. 1997. *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Amran Kasimin. 2002. *Tanda Sihir Dan Kekuatan Roh Untuk Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Amran Kasimin. 2009. *Sihir: Suatu Amalan Kebatinan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Anis Murshidin. t.th. *Pengecualian Am di dalam Undang-Undang Jenayah Islam dan Undang-Undang Jenayah Malaysia*. International Islamic University Malaysia.

- Ansaruddin Agus dan Mohd Azlee A. Mutalib. 2011. *Perangi Sihir*. PTS Millennia Sdn. Bhd. Cetakan Pertama.
- Hassan Mahmud Al-Hafiz. 2012. *Dahsyatnya Sihir: Rahsia Rawatan Dan Penawar*. Inteam Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ibrahim Muhammad Al-Jamal. t.th. *Al-Sihr: Dirasah Fi Zilali Al-Qisasi Al-Qurani Wa Al-Sirah Al-Nabawiyah*. Maktabat Al-Quran.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2008. *Pengenalan Kepada Undang-Undang Keterangan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Khader Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin dan Ishak Sulieman. 2014. *Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Latar Belakang Pengasas Dan Isu Penggunaan Jin Dalam Rawatan*. Jurnal Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mahyuddin Ismail, Mohd Jim Hamzah, Siti Aisyah Romli, Jahid Sidek Dan Zainal Abidin Kusmin. t.th. *Menjustifikasi Ilmu Dan Amalan Sihir Sebagai Satu Jenayah Berdasarkan Peruntukan Dalam Kanun Keseksaan*.
- Mahyuddin Ismail. 2011. *Ahli Sihir Ke Tali Gantung*. Cetakan Pertama, PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Mahyuddin Ismail. 2012. *Keperluan Transformasi Dalam Perundangan Syariah Bagi Menangani Kes Mal Dan Jenayah Melibatkan Ilmu Sihir*. Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Mahyuddin Ismail. 2022. *Jenayah Sihir: Analisis Dari Sudut Prundangan*. Cetakan Pertama. Universiti Malaysia Pahang.
- Mahyuddin Ismail. 2022. *Pendakwaan Terhadap Ahli Sihir: Realiti Atau Fantasi?*. Cetakan Pertama. Universiti Malaysia Pahang.
- Mahyuddin Ismail. 2023. *Mekanisme Pembuktian "Jenayah Sihir" Dalam Perundangan Jenayah Di Malaysia*. Temu Bual, 6 Dis.
- Mohd Sabree Nasri. 2015. *Jenayah Sihir Di Malaysia: Permasalahan Dan Cadangan Pelaksanaan Undang-Undang*. 19 JUUM. Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
- Muna Hamzan, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin Dan Tengku Fatimah Muliana Tengu Muda. 2021. *Keterangan Pakar Pengubatan Islam Sebagai Pendapat Pakar Bagi Kes Melibatkan Sihir Di Mahkamah Syariah*. International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.
- Na'imah Suleiman. 2014. *Prospek Pemakaian Qarinah Dan Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sihir*. Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurul Atika Rosli. 2016. *Jenayah Sihir: Pendekatan Menurut Undang-Undang Serta Kekangan Dalam Penyelesaian Kes-Kes Yang Melibatkan Unsur Jenayah Sihir di Malaysia*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zaharah dan Datin Nor Aini. 2010. *Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*. MDC Publishers Sdn Bhd.
- Sofiah Binti Abu Bakar. 2013. *Sihir: Kaedah Pembuktian Sihir Berdasarkan Syariah*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahid 'Abdussalam Bali. 2001. *Sihir: Keampunan Al-Quran Dalam Membentengi Diri Dari Pengaruh Sihir Serta Terapi Pengobatannya Pada Penderita Akibat Sihir*. Penerbit Buku Islam Klasik.
- Wahid 'Abdussalam Bali. 2011. *Hakikat Sihir Dan Terapinya*. International Islamic Publishing House.
- William Shaw. 1975. *Aspects of Malaysian Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Zaini Nasohah. 2006. *Al-Qarinah" Dalam Al-Syariah: Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zulfakar Ramlee. 2007. *Al-Qarinah: Pemakaiannya Dalam Litigasi Mal dan Jenayah Dalam Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan Dan Prosedur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

STATUT

Kanun Keseksaan (Akta 574)

Akta Keterangan 1950 (Akta 56)

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561)

Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)

KES

Tham Kai Yau & Ors lawan Pendakwa Raya [1977] 1 MLJ 174